



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

HIGHLIGHTS

Program Gotong Royong dan Agihan Bubur Lambuk 2026

Penulis: Siti Faridah Kamaruddin, Ahmad Tirmizi Kram, Rohana Iboi, dan Minet Edward Daweb

Sudah menjadi tradisi kelaziman di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah untuk mengadakan program gotong-royong dan agihan bubur lambuk pada setiap tahun terutamanya pada bulan Ramadan yang mulia. Program ini telah bermula pada 11 Mac 2026 dengan sesi merewang dalam kalangan staf UiTM Kampus Mukah dengan kerjasama pihak konsesi *Global Facilities Management* (GFM). Apabila semua staf turun padang, kerja jadi ringan dan suasana jadi meriah. Program Merewang Adalah bukti bahawa semangat gotong-royong masih subur dalam komuniti kampus. Pada sebelah pagi 12 Mac 2026, warga Kampus Mukah bergotong-royong pula untuk memasak bubur lambuk di Depo Kenderaan sebagai simbol kebersamaan dan semangat Ramadan. Suasana memasak bubur lambuk amat meriah dengan semangat gotong-royong!

Program
**GOTONG-ROYONG
& AGIHAN BUBUR LAMBUK**

**UiTM CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS MUKAH**

12 MAC 2026 | KHAMIS
1447H رمضان 23

8.00 PAGI - 6.00 PETANG
**DEPO KENDERAAN,
KAMPUS MUKAH**

UiTM *Ujumuha* أو منبها، تقوى، موليا

Anjuran :
Unit Hal Ehwal Islam (UHEI)
UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah

HIGHLIGHTS

Program Gotong Royong dan Agihan Bubur Lambuk 2026

Penulis: Siti Faridah Kamaruddin, Ahmad Tirmizi Kram, Rohana Iboi, dan Minet Edward Daweb

Di sebelah petang 12 Mac pula pada jam 4 petang, Program Pengagihan Bubur Lambuk telah diadakan dan Program ini menjadi lebih bermakna dengan kehadiran Rektor UiTM Sarawak, Prof. Dr. Firdaus Abdullah, yang turut bersama warga kampus dalam menyemarakkan semangat kebersamaan pada bulan Ramadan.

Dalam ucapan beliau, Rektor menekankan peranan aktif universiti untuk bekerjasama dengan masyarakat setempat dan pihak industri. Beliau turut mengajak warga kampus untuk mengimarahkan surau sebagai bukan sahaja pusat keagamaan, malah sebagai pusat kebudayaan, pendidikan dan ekonomi yang mampu menyatukan ummah.

Bubur lambuk ini diserahkan kepada warga kampus, institusi pendidikan dan agensi penting di bahagian Mukah sebelum warga kampus bersama-sama menjayakan Majlis Iftar Perdana pada sebelah petang. Program agihan bubur lambuk ini menjadi ruang untuk warga kampus berkongsi rezeki dan mengeratkan silaturahim bukan sahaja dalam kalangan staf tetapi juga bersama serta agensi-agensi penting institusi pendidikan lain di sekitar Mukah.

Seusai majlis penyerahan bubur lambuk ini, Rektor turut menziarahi beberapa warga UiTM Kampus Mukah yang uzur serta menyampaikan bubur lambuk kepada keluarga mereka. Inisiatif ini membuktikan keprihatinan pihak UiTM Cawangan Sarawak terhadap kebajikan warganya agar mereka sentiasa mendapat perhatian dan sokongan sewajarnya dalam proses pemulihan kesihatan, di samping meringankan beban keluarga yang terlibat.



HIGHLIGHTS

Program Gotong Royong dan Agihan Bubur Lambuk 2026

Penulis: Siti Faridah Kamaruddin, Ahmad Tirmizi Kram, Rohana Iboi, dan Minet Edward Daweb







Dialu-alukan untuk membawa hidangan potluck masing-masing bagi memeriahkan majlis

12 Mac 2026 (Khamis)
6.00 PETANG
Takan Berambih,
UiTM Kampus Mukah



اوسها تقوى موليا

Pada sebelah malam 12 Mac pula, warga staf disatukan dalam Majlis Iftar Perdana yang turut dihadiri pihak konsesi serta ahli keluarga masing-masing. Rektor UiTM Sarawak, Prof. Dr. Firdaus Abdullah, turut berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan Kasih Ramadan kepada beberapa orang staf, pelajar, dan komuniti setempat dari Madrasah Al-Quran Mukah. Prof. Dr. Firdaus Abdullah turut meluangkan masa menunaikan solat maghrib, isyak, dan tarawih bersama warga kampus. Program seperti ini telah mempererat ukhuwah dan membawa keberkatan kepada seluruh komuniti kampus dengan senyuman, juadah berbuka hingga gelak tawa bersama.

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

